

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (78)

Tarikh: 25 September 2012

KENYATAAN AKHBAR

PENJUALAN BORANG PERMIT DEEPAVALI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menyediakan tapak penjaja bagi perayaan Deepavali pada tahun ini bagi memenuhi keperluan penduduk untuk membuat persiapan dengan lebih mudah di samping memberi ruang kepada peniaga kecil untuk menambah pendapatan.

Butiran penjualan adalah seperti berikut:

Tarikh : 1 Oktober 2012 (Isnin)

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Bahagian Pelesenan Penjaja, Tingkat 6, Menara MBPJ

Sehubungan itu, pihak Majlis telah menyediakan sebanyak 3 lokasi di Petaling Jaya bagi menjalankan aktiviti perniagaan seperti butiran berikut :-

BIL	LOKASI	JUMLAH PENJAJA
1	Jalan SS9A/13, Sg. Way, Petaling Jaya	18
2	Pasar Jalan Othman	13
3	PJU 10/3A, Damansara Damai	20
JUMLAH		51

Penjualan borang yang diadakan pada 1 Oktober 2012 (Isnin) ini dijual secara "first come first serve". Borang permohonan hanya dijual kepada individu yang berminat dan tidak dijual kepada mana-mana persatuan atau wakil. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dipulangkan sebelum atau pada 5 Oktober 2012 (Jumaat) beserta bayaran ke Bahagian Pelesenan Penjaja, Tingkat 6, Menara MBPJ.

Cadangan tarikh permit deepavali tahun 2012 akan bermula pada 14 Oktober 2012 hingga 12 November 2012.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi Bahagian Pelesenan Penjaja, Tingkat 6, Menara MBPJ, Jalan Tengah 46200 Petaling Jaya, Selangor di talian 03-7960 9026 atau 03-7960 4667.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my